



PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
SELANGOR STATE TREASURY
Tingkat 2, 8-12
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40592 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA

No. Tel : 603-5544 7000
No. Faks : 603-5510 6255 (YB. PWN)
603-5544 7297 (TPWN)
603-5512 1054 (BN)
603-5521 2533 (BKP)
Laman Web : <http://pwn.selangor.gov.my>
E-mel : pwn_helpdesk@selangor.gov.my



#KitaSelangor

Ruj Kami : PWN. SEL.600-5/3/6 (25)

Tarikh : 6 Syawal 1444H

27 April 2023

Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Ketua Pusat Tanggungjawab Negeri

YB Dato'/ YB Dr./ YBhg. Dato'/ YAA Dato'/ SS. Dato'/ Tuan/ Puan

PERUBAHAN TARIKH PEMBAYARAN EMOLUMEN BULAN MEI 2023
KERAJAAN NEGERI SELANGOR

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sepertimana yang Jabatan/ Pusat Tanggungjawab (PTJ) sedia maklum, Arahan Operasi Bendahari Negeri Selangor Bilangan 9 Tahun 2022 telah menetapkan bahawa tarikh pembayaran Emolumen tahun 2023 adalah berdasarkan Arahan Perbendaharaan (AP) 105 yang berkuatkuasa dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 4 Tahun 2022, iaitu pembayaran Emolumen bagi bulan Mei 2023 adalah pada 25 Mei 2023.

3. Berikutan pindaan tarikh pembayaran Emolumen tahun 2023 melalui Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 3 Tahun 2023, **pengecualian AP 105 juga diberikan bagi pembayaran lebih awal Emolumen penjawat awam Negeri Selangor bulan Mei 2023 kepada 19 Mei 2023 (Jumaat)**, setelah mengambil kira kawalan tempoh perbezaan 38 hari Emolumen dibayar bulan berikutnya. **Manakala tarikh akhir bagi Jabatan/PTJ mengunci masuk perubahan emolumen bulan Mei diawalkan kepada 5 Mei 2023 (Jumaat).**

4. Kerjasama Unit Gaji Jabatan/PTJ bagi memastikan pembayaran Emolumen bulan Mei pada tarikh yang ditetapkan berjalan dengan lancar amatlah dihargai.

Sekian. terima kasih.

"SELANGOR MAJU BERSAMA"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(NOORISMA BINTI NOOR ADNAN) C.A (M)
Ketua Penolong Bendahari Negeri (P)
b.p. Bendahari Negeri Selangor

Salinan Kepada:

YB. Pegawai Kewangan Negeri Selangor



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO. : QMS 00760